



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

KETERHUTANGAN SERIUS BOLEH MENJEJASKAN INTEGRITI PERKHIDMATAN



PERINGATAN KEPADA WARGA UPM

keterhutangan yang serius merupakan suatu bentuk **pelanggaran tatakelakuan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.**

Peraturan 12, Jadual Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

Seseorang pegawai tidak boleh berada dalam keterhutangan yang serius sehingga boleh menyebabkan tekanan kewangan, pengaruh tidak wajar atau memalukan perkhidmatan.

Jika seseorang pegawai didapati mengalami **keterhutangan yang serius tanpa alasan munasabah atau tidak mengambil langkah pembetulan**, perkara ini boleh **menyebabkan siasatan serta *prosiding* tatatertib di bawah Akta 605**. Tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya keadaan tersebut **menjejaskan kecekapan, integriti atau imej perkhidmatan universiti.**



Justeru, semua warga UPM hendaklah mengurus kewangan secara berhemat dan bertanggungjawab, **mengelakkan komitmen kewangan yang melampaui kemampuan serta mengambil tindakan awal bagi menangani masalah kewangan yang dihadapi.** Pengurusan kewangan yang baik adalah sebahagian daripada disiplin perkhidmatan dan mencerminkan tahap integriti seseorang pegawai.

Kerjasama dan kesedaran semua pihak amatlah penting bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap peraturan tatatertib serta pemeliharaan integriti dan reputasi Universiti Putra Malaysia.

Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia